

10 JUN 1999

DAIM-GABUNG

DAIM MAHU MELIHAT LEBIH BANYAK PENGGABUNGAN INSTITUSI KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin ingin melihat penggabungan lebih banyak institusi kewangan di negara ini, supaya mengujudkan entiti-entiti yang lebih besar dan lebih kukuh.

Katanya bahawa kemajuan kini urusan penggabungan "adalah agak perlahan" dan perlu dipercepatkan.

Sungguhpun beberapa bank telah sama ada selesai atau hampir selesai pemilikan mereka, seperti RHB Bank Bhd dan Sime Bank Bhd, BSN Commercial Bank Bhd dan Perwira Affin Bank Bhd, dan Bank Bumiputra Malaysia Bhd dan Bank of Commerce, Daim menganggap proses penggabungan di negara ini masih amat perlahan.

"Saya cuba mendorong penggabungan yang lebih cepat," katanya.

"Saya ingin melihat lebih banyak penggabungan. Saya mahu melihat bank-bank lebih kukuh. Saya tidak berminat terhadap saiz tetapi perkara yang penting ialah kekukuhan," katanya di dalam taklimatnya kepada wartawan-wartawan asing, yang diundang ke Malaysia oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Ditanya berapa buah bank beliau ingi lihat bergabung menjadi entiti-entiti besar, katanya "Mungkin lapan bank swasta."

Terdahulu, Penolong Gabenor Bank Negara Dr Awang Adek Hussein di dalam taklimatnya, berkata bagi bank-bank perdagangan, sehingga ini, satu penggabungan telah diselesaikan manakala dua yang lain dijangka siap menjelang akhir tahun ini.

Bagi syarikat-syarikat kewangan, katanya 10 kes pembubaran dan dua penggabungan telah diselesaikan manakala sembilan yang lain akan dibubar atau digabung menjelang akhir 1999.

Mengenai tajuk penetapan ringgit, Daim, yang juga Menteri Tugas-tugas Khas, bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa penetapan RM3.80 kepada satu dolar AS akan kekal untuk masa yang lama.

"Negara ini tidak tergesa-gesa untuk menukar regim penetapan itu," kata Daim.

Beliau juga menolak dakwaan pihak-pihak tertentu bahawa Malaysia akan membatalkan langkah-langkah kaalan modalnya pada 1 Sept 1999.

"Kita tidak pernah mentafsir itu dan saya tidak sedar mengenai sebarang pengumuman untuk menarik balik langkah-langkah kawalan modal. Tiada apa yang akan berubah sehingga terdapat arkitektur kewangan yang kukuh," katanya.

Langkah-langkah kawalan modal diperkenalkan pada September tahun lalu.

Daim juga berkata bahawa Malaysia tidak perlu pelaburan langsung asing (FDI) bagi bank-bank asing untuk menyusun semula sistem perbankan kerana ia mempunyai banyak wang.

Ditanya sama ada Malaysia ingin melihat perkembangan lebih banyak tabung pencen dipelbagaikan, seperti sekarang Kumpulanwang Simpanan Pekerja (KWSP), adalah satu-satunya institusi dominan di negara ini, kata Daim:

"Kami akan mengkajinya, Kami tidak mahu menghadapi keadaan seperti di Britain di mana mereka menggunakan tabung pencen untuk meningkatkan pasaran saham mereka," katanya.

Mengenai pandangan oleh ahli-ahli ekonomi dan penganalisis bahawa Malaysia mungkin mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi daripada satu peraqtus dalam Keluaran Dalam Negara Kasarnya (KDNK) tahun ini, katanya "Kita perlu

sabar, tunggulah sehingga akhir tahun."

"Daripada pandangan saya, kita gembira terhadap apa yang kita lakukan, kita berada dalam peringkat pemulihan dan kita yakin terhadap mencapai pertumbuhan satu peratus tahun ini," kata Daim.

Katanya negara menjangka pertumbuhan lima peratus tahun depan dan "sekitar paras yang sama dalam 2001."

Daim juga menyatakan puas hati mengenai prestasi Pengurusan Danaharta Nasional Bhd dan Danamodal Nasional Bhd, sambil berkata bahawa "mereka telah melakukan tugas yang baik."

Danamodal ditubuhkan untuk memodali semula institusi-institusi perbankan yang tenat dan setakat ini telah menyuntik RM6.2 bilion ke dalam 10 institusi kewangan, manakala Danaharta ditubuhkan untuk membeli pinjaman tidak berbayar (NPL) daripada institusi-institusi perbankan.

Setakat 31 Mac 1999, Danaharta telah menjelaskan sejumlah RM23.1 bilion NPL, yang merupakan 32 peratus daripada NPL sistem perbankan sebanyak RM72.7 bilion. -- BERNAMA

AA FR OS